

Cadangan Mesyuarat Agung Luar Biasa MCA Diketahui Rabu

Bernama

11 Feb, 2014

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Keputusan sama ada MCA akan mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) parti untuk mengkaji semula keputusan parti menolak pelantikan jawatan Kabinet akan diketahui Rabu selepas proses penjumlahan tandatangan selesai.

Anggota Jawatankuasa Pusat MCA Datuk Dr Mah Hang Soon berkata ia telah mengadakan kempen pungutan tandatangan di seluruh negara bagi mendapatkan sokongan untuk mendesak kepimpinan parti mengadakan EGM itu.

"Jumlah sebenar tandatangan yang kami perolehi hanya akan kami tahu pada pukul 12 tengah hari esok sebelum kami menghantarnya ke kepimpinan parti," katanya dalam sidang media di Wisma MCA di sini Selasa.

Menurut perlembagaan parti, EGM hanya boleh diadakan atas arahan presiden atau setelah mendapat sokongan dua pertiga anggota jawatankuasa pusat atau setelah mendapat persetujuan dua pertiga daripada perwakilan pusat.

Dalam mesyuarat tahunan parti pada 2011 dan 2012, MCA telah mengambil keputusan untuk tidak menerima apa-apa jawatan dalam kerajaan sekiranya ia tidak menunjukkan prestasi yang baik semasa pilihan raya umum ke-13 pada Mei 2013 (PRU13).

Pada EGM 20 Okt tahun lepas, para perwakilan telah menolak satu usul untuk memansuhkan keputusan itu.

Semasa PRU13, MCA hanya memenangi tujuh kerusi parlimen dan 11 kerusi dewan undangan negeri berbanding 15 kerusi parlimen dan 32 kerusi dewan undangan negeri yang dimenangnya pada 2008.

Mah berkata adalah penting bagi MCA untuk menyertai semula Kabinet untuk memberikan perkhidmatan kepada orang awam khususnya masyarakat Cina kerana ketiadaan wakil parti dalam kerajaan boleh menimbulkan banyak masalah.

"Kami risau mengenai parti kami, masyarakat Cina, maka ini adalah waktu terbaik untuk menyertai semula kabinet atau bersama dalam kerajaan," kata Mah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan MCA Perak.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1013632>